

Berunding sebelum bertanding

BH - 5 JUL 2000

SINTOK, Selasa – Pemimpin Umno peringkat bahagiin patut berunding terlebih dahulu sebelum membuat keputusan untuk bertanding pada pemilihan bahagian tahun depan.

Naib Presiden, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, berkata perbincangan sesama ahli dan jawatankuasa bahagian penting bagi menentukan siapa yang layak dan patut bertanding.

Menurutnya, perundingan dan persetujuan bersama dapat mengelakkan sebarang perebutan jawatan peringkat

kat bahagian.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Undang-Undang Perlindungan Pengguna di Universiti Utara Malaysia (UUM) hari ini, beliau berkata, berdasarkan pengalaman lalu, perebutan jawatan peringkat bahagian menimbulkan retak di kalangan ahli dengan sesetengahnya tidak bertegur sapa selama bertahun-tahun.

Selain itu, katanya, kaedah pertandingan merebut jawatan dalam bahagian perlu bersih dan tidak menekan mana-

mana pihak.

“Inikerana jika berlaku sesuatu yang tidak baik akan timbul masalah perpaduan peringkat bahagian yang tidak kukuh,” katanya.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan ahli Umno tidak terlalu ghairah bertanding pada pemilihan Umno bahagian tahun depan.

Menurutnya, sikap terlalu ghairah boleh mengurangkan kekuatan Umno jika ketua bahagian atau calon yang kalah menarik diri daripada parti.